

**NO. SOALAN: 44**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN**

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9402**

**SOALAN:**

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah kesulitan yang menyebabkan sistem pemeriksaan pasport di Imigresen KLIA2 tidak berjalan lancar semasa peralihan daripada pembekal perkhidmatan yang lama (Iris Corp Berhad) kepada yang baru.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan dalam proses transisi penggunaan Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) dengan cip di mukasurat belakang kepada PMA dengan mukasurat polikarbonat bercip yang telah dipertingkatkan dengan ciri-ciri keselamatan. Sehubungan itu, sistem pemeriksaan pasport sedia ada perlu dikonfigurasi untuk disesuaikan dengan ciri-ciri baru PMA. Di samping itu, pengguna juga masih belum menyesuaikan diri dengan penggunaan PMA baharu yang perlu dibuka semasa diletakkan di mesin pengimbas (*autogate*). Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi mengatasi isu-isu berkaitan sistem pemeriksaan pasport selain meningkatkan tahap kesedaran pengguna berkenaan tatacara pemeriksaan PMA baharu di mesin pengimbas.**